

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

Pembiayaan Kenderaan-i Skim Graduan

1. Apakah konsep Shariah yang digunakan untuk pembiayaan ini?

- Konsep shariah yang digunakan adalah konsep Murabahah (Tawarruq).

2. Apakah jenis kenderaan yang boleh dibiayai?

- Semua jenis kereta nasional / bukan nasional baru (belum daftar) bagi kegunaan persendirian serta boleh didaftarkan di JPJ, Malaysia.

3. Berapa margin pembiayaan maksimum bagi pembiayaan ini?

- Margin pembiayaan maksimum adalah 100% daripada harga jualan (OTR).

4. Berapa jumlah pembiayaan maksima bagi pembiayaan ini?

- Jumlah pembiayaan minimum adalah RM30,000 dan maksimum RM150,000 tertakluk bayaran ansuran tidak lebih daripada 40% pendapatan kasar bulanan dan mengambilkira kelayakan berdasarkan Nisbah Keberhutangan (DSR) dan kelayakan berdasarkan Kos Sara Hidup (COL) yang mana terendah.

5. Apakah tempoh pembiayaan minimum dan maksimum bagi pembiayaan ini?

- Tempoh pembiayaan minimum adalah 4 tahun dan maksimum 9 tahun

6. Apakah syarat & kelayakan untuk pembiayaan ini?

- Berumur tidak kurang 20 tahun dan tidak melebihi 30 tahun semasa permohonan.
- Kelayakan minimum mempunyai Diploma dan ke atas (kolej / universiti yang diiktiraf daripada Kementerian Pendidikan Tinggi)
- Berpendapatan minima iaitu RM2,000.

7. Bagaimana cara bayaran ansuran bulanan pembiayaan ini?

- Cara bayaran ansuran boleh dibayar melalui Biro Perkhidmatan Angkasa, Potongan Gaji Majikan, Bayaran Elektronik dan Pindahan Gaji ke Bank Rakyat.

8. Adakah pemohon wajib mengambil *Hire Purchase Reducing Term Takaful (HPRTT)*?

- HPRTT ini adalah tidak wajib dan pemohon boleh mengambil daripada agen takaful Bank serta HPRTT tidak dibiayai oleh Bank

9. Bagaimana sekiranya ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai kempen ini?

- Maklumat lanjut, boleh diperoleh seperti berikut:
 - a) Mengunjungi cawangan Bank Rakyat berhampiran
 - b) Layari laman web Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my
 - c) Menghubungi Pusat Panggilan di talian 1300 80 5454